

28 NOV 1997

Fauzi - paralimpik

SABAH TARIK DIRI SEBAGAI TUAN RUMAH

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Sabah menarik diri sebagai tuan rumah kejohanan sukan orang-orang cacat paralimpik peringkat kebangsaan tahun depan atas alasan tidak mampu untuk menganjurkan sukan itu, kata Presiden Majlis Paralimpik Malaysia, Datuk Fauzi Abdul Rahman, hari ini.

Beliau berkata pihak majlis telah dihubungi oleh kerajaan negeri Sabah mengenai perkara itu semalam dan usaha terpaksa dijalankan untuk mencari negeri lain yang sanggup menjadi tuan rumah kejohanan dwi-tahunan itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima resolusi menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir oleh golongan cacat penglihatan di pejabatnya di sini, beliau berkata Selangor atau Wilayah Persekutuan merupakan alternatif bagi menganjurkan kejohanan itu.

Ekoran itu, katanya kejohanan yang pada lazimnya diadakan pada awal tahun mungkin terpaksa ditunda kepada pertengahan tahun.

Fauzi yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata penarikan diri Sabah sebagai tuan rumah mungkin kerana ketidakanggapan negeri itu menyediakan peralatan khas bagi kejohanan orang-orang cacat.

Beliau berkata kejohanan sukan orang cacat memerlukan persediaan lebih dua kali ganda berbanding sukan golongan normal terutama daripada segi peralatan sukan yang khusus bagi mereka selain perbelanjaan yang lebih besar daripada segi logistik.

Fauzi berkata pihak majlis juga bersetuju untuk menganjurkan sukan orang-orang cacat menerusi skop yang lebih luas termasuk yang melibatkan kanak-kanak sekolah serta mengadakan kejohanan sukan mengikut jenis kecacatan yang tertentu seperti cacat penglihatan, pekak, lumpuh dan kerdil.

Mengenai pencapaian atlit paralimpik Malaysia, Fauzi berkata sehingga kini mereka menyumbang lebih banyak emas daripada atlit normal dalam kejohanan bertaraf dunia seperti Paralimpik di Seoul Korea (1988), Barcelona (1992) dan di Atlanta (1996).

Justeru itu, sehingga kini kerajaan telah membayar insentif berjumlah RM1 juta kepada atlit paralimpik atas dasar RM80,000 bagi setiap butir pingat emas yang dimenangi iaitu sama seperti yang ditawarkan kepada atlit yang menyertai sukan olimpik. -- Bernama

AKT oba